



Setiausaha Persekutuan Sarawak
Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak
Jabatan Perdana Menteri
Tingkat 17, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga
93300 KUCHING, SARAWAK

Tel. : 082-244077
Faks : 082-243332

Ruj Kami: SUPS(S).505/4 (17)
Tarikh : 18 Februari 2025

SEMUA KETUA JABATAN/AGENSI PERSEKUTUAN DI SARAWAK

YBhg. Datuk/Datu/Dato'/Dato/Tuan/Puan,

PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2024 KERAJAAN SARAWAK KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN DI SARAWAK

Dengan segala hormatnya perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Sepertimana YBhg. Datuk/Datu/Dato'/Dato/Tuan/Puan sedia maklum, YAB Premier Sarawak telah mengumumkan pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2024 sebanyak **RM700.00** kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berkhidmat di Sarawak pada tahun 2024 semasa sesi Penggulangan Bajet 2025 Sarawak pada 20 November 2024 bertempat di Dewan Undangan Negeri, Sarawak. Bantuan ini diberikan sebagai tanda penghargaan terhadap sumbangan dan komitmen pegawai Perkhidmatan Persekutuan yang berkhidmat di Sarawak pada tahun 2024.

3. Susulan daripada itu, Kerajaan Sarawak telah menyalurkan peruntukan bagi tujuan pembayaran BKK Tahun 2024 kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sarawak dan pembayaran akan dilaksanakan pada bulan **Februari 2025** dan awal bulan **Mac 2025 bagi Personel MySTEP** berdasarkan syarat dan kelayakan pembayaran seperti di **LAMPIRAN 1**. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Datuk/Datu/Dato'/Dato/Tuan/Puan dimohon untuk memastikan semua pegawai yang layak di bawah seliaan jabatan masing-masing tidak tercicir dari menerima bantuan ini.


4. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, YBhg. Datuk/Datu/Dato'/Dato/Tuan/Puan boleh menghubungi Puan Pawef anak Patem di talian 082-239743 atau Puan Mariam binti Roshidi di talian 082-255028.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATU AHMAD NADZRI BIN MOHD HASSAN)

Salinan kepada:

Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sarawak
Tingkat 6, Bangunan TDPT Haji Bujang
Jalan Simpang Tiga
93594 Kuching

**SYARAT DAN KELAYAKAN
BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2024 PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM
PERSEKUTUAN DAN AGENSI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG
BERKHIDMAT DI SARAWAK**

1. Pegawai yang layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2024 adalah seperti berikut:-
 - a. Pegawai lantikan tetap, sementara, Personal MyStep, pekerja sambilan harian, Pembantu Pemaju Masyarakat Sukarela (PPMS), *contract of service* dan *contract for service*;
 - b. Pegawai berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dan masih berkhidmat di Negeri Sarawak sehingga 30 November 2024; dan
 - c. Warganegara Malaysia.

2. Pegawai yang tidak layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2024 adalah seperti berikut:-
 - a. Pegawai berkhidmat kurang daripada 30 hari berturut-turut bagi tempoh sehingga 30 November 2024 di Sarawak;
 - b. Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024;
 - c. Pegawai yang ditahan gaji, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib sehingga 31 Disember 2024;
 - d. Pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2024 hingga 30 November 2024;
 - e. Pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2024 hingga 30 November 2024; dan
 - f. Pegawai yang bercuti tanpa gaji sepanjang tahun 2024.